

Latar Belakang Penubuhan

Muzium Peringatan Teknologi dan Industri Toyota ini telah ditubuhkan secara bersama oleh Kumpulan Toyota. Ia terletak di atas tapak ibu pejabat Toyota Boshoku Corporation, tempat asal bermulanya sejarah Kumpulan Toyota ini, dan seterusnya telah dipelihara sebagai aset sejarah industri yang amat bernilai.

Kumpulan Toyota telah diasaskan oleh pencipta mesin tenun automatik, Sakichi Toyoda beserta anak lelaki sulungnya, Kiichiro Toyoda. Tujuan utama penubuhannya adalah untuk membantu memajukan ekonomi serta meningkatkan tahap hidup masyarakat melalui kemahiran 'pembuatan' dan juga menerusi 'penyelidikan dan rekacipta'.

Perkembangan teknologi canggih meliputi pelbagai peringkat industri beberapa tahun kebelakangan ini telah menyebabkan kurangnya peluang untuk melihat proses pembuatan yang sebenar. Oleh yang demikian, kami telah mengambil inisiatif membina Muzium Peringatan Teknologi dan Industri Toyota ini untuk mendidik generasi berikutnya tentang kepentingan 'penyelidikan dan rekacipta', seterusnya memupuk minat mereka ke arah seni 'pembuatan'.



Kilang ibu pejabat Toyota Boshoku Corporation. Pada tahun 1940-an

Toyota Group

Toyota Industries Corporation
Toyota Motor Corporation
Aichi Steel Corporation
JTEKT Corporation
Toyota Auto Body Co., Ltd.
Toyota Tsusho Corporation
Aisin Seiki Co., Ltd.
Denso Corporation
Toyota Boshoku Corporation
Towa Real Estate Co., Ltd.
Toyota Central Research & Development Laboratories, Inc.
Kanto Auto Works, Ltd.
Toyoda Gosei Co., Ltd.
Hino Motors, Ltd.
Daihatsu Motor Co., Ltd.
Toyota Housing Corporation

Ke arah menyemai semangat menyelidik dan merekacipta

Mengenal, Memperdalam Pengetahuan dan Mencuba Sendiri

Muzium Secara Ringkas

Kemudahan Ruang Pameran

Lobi Pintu Masuk

Mesin tenun bentuk bulatan, Bilik Peringatan, dsb.

Bangunan Mesin Tekstil

Teknologi Menenun dan Memintal

Di ruangan ini ada dipamerkan teknologi asas memintal dan menenun tekstil serta perubahan-perubahan yang dilalui bermula daripada alatan ringkas hinggalah kepada penggunaan mesin jentera. Terdapat pameran mesin pintal daripada setiap generasi di sini, termasuk juga mesin tenun automatik hasil ciptaan Sakichi Toyoda sendiri. Perubahan teknologi asas kepada perkembangan industri berdasarkan peredaran zaman turut dipamerkan.

Ruang Pertunjukan Teknologi Pertukangan Besi

Membuat acuan, menempa, memotong

Bangunan Automotif

Teknologi Automotif dan teknologi pengeluaran

Teknik pembuatan kereta serta pameran komponen-komponennya, juga perubahan pada teknologi automotif dan teknologi pengeluaran sejak dari mula penubuhan Toyota hingga kini.

Turut mempamerkan model representatif, perkembangan penyelidikan dan pembangunan (R&D), pergerakan jentera pengeluaran dan lain-lain.

Pusat Ujian Bahan / Kilang Prototaip

Paparan semula kilang pembuatan automotif pada awal penubuhan Toyota

Mesin tenun automatik Toyoda Bengkel lama pertukangan besi

Bengkel pertukangan besi pada masa penubuhan yang telah dipindah alih

Mesin wap

Pameran mesin wap, serta sumber pemicu tenaga mesin tenun automatik

Taman Tekno

Membolehkan pelawat mendalami teori dan mekanisme jentera dalam suasana yang menyeronokkan

Pengumpul gergasi, kereta tenaga manusia, berdiri melawan tiupan angin, dan lain-lain.

Bangunan Toyota Group

Memperkenalkan sejarah penubuhan Toyota Group, bertempat di bangunan pejabat lama era Taisho.

Pejabat Syarikat Toyoda

Merupakan bangunan di mana Sakichi Toyoda menghasilkan ciptaan-ciptaannya sepanjang hayatnya tinggal di situ.

Dibina di Nagoya pada tahun 1905, namun telah dipindahkan dan diubahsuai kemudiannya.

Kemudahan lain

Perpustakaan = Menyimpan banyak buku-buku berkaitan sains, teknologi dan industri.

Perpustakaan Video / Bilik pameran khas / Auditorium Utama / Dewan A, B, C / Restoran "Brick Age" / Kafe / Kedai Muzium

Luas Kawasan

[Luas keseluruhan kawasan] 41,600 m²

[Luas lantai] 27,100 m²

[Luas ruang pameran] 14,300 m²



Taman Usaha

Panduan Pelawat

Waktu Operasi

9.30 pagi hingga 5.00 petang (dibenarkan masuk hingga jam 4.30 petang sahaja)

Wakti Cuti

Setiap Isnin (ditukar kepada Selasa sekiranya cuti umum jatuh pada hari Isnin) serta Cuti Tahun Baru

Bayaran masuk (termasuk cukai)

Kategori	Dewasa	65 tahun ke atas	Pelajar sekolah menengah	Pelajar sekolah rendah
Umum (termasuk pelajar universiti)	500 yen	Percuma	300 yen	200 yen
Berkumpulan (lebih 30 orang)	450 yen		270 yen	180 yen
(lebih 100 orang)	400 yen		240 yen	160 yen
Lawatan sekolah*	250 yen		150 yen	Percuma
Tiket Umum	Muzium Toyota	1200 yen	640 yen	460 yen
	Taman Noritake	800 yen	—	—
Pemegang Buku Catatan Golongan Kurang Upaya serta Penjaga	Percuma	Percuma	Percuma	Percuma

*Tiada bayaran dikenakan kepada guru pengiring

Untuk golongan kurang upaya

Selain tandas orang cacat dan lif, kerusi roda turut disediakan untuk kemudahan.

Untuk ibu bapa yang membawa bersama anak kecil

Bilik menyusui, kereta bayi juga disediakan. Sila mohon di kaunter pertanyaan.

● **Restoran** (80 tempat duduk – sila hubungi untuk tempahan awal)

① Selain makan tengahari, pelbagai menu lain turut disediakan.

② Kami juga turut menyediakan pelbagai menu untuk tempahan mengikut bajet anda, sesuai untuk pelawat berkumpulan dan juga untuk pelbagai jenis majlis.

Waktu Operasi: 11 pagi hingga 5 petang (ditutup setiap Isnin)

* selepas pukul 5 petang adalah untuk kegunaan tempahan sahaja.

Akses ke Muzium

Pengangkutan Awam

[Meitetsu] turun di stesen "Sako", jalan kaki 3minit

[Bas Bandar] platform no. 10 Terminal Bas Nagoya, naik bas menghala ke Stesen Nagoya dan berhenti di hentian [Muzium Peringatan Teknologi dan Industri], jalan kaki 3 minit


[Keretapi bawah tanah] turun di stesen "Kamejima" (Higashiyama Line), keluar pintu 2 dan jalan kaki 10 minit

[JR / Kintetsu] turun di stesen Nagoya dan jalan kaki 25minit atau berkereta 5 minit

Kenderaan Sendiri

Lebuhraya Nagoya – 10 minit dari Susur Keluar "Marunouchi" ataupun Susur Keluar "Nishikibashi"

Tempat letak kereta adalah percuma dan boleh memuatkan 210 buah kereta serta 10 buah bas saiz besar



1-35 Noritake Shinmachi 4-chome, Nishi-ku, Nagoya 451-0051

Tel. 052-551-6115 / Fax. 052-551-6199

Hompej <http://www.tcm.it.org>

※Dicetak menggunakan kertas kitar semula 12.1.1



TOYOTA Commemorative Museum of Industry and Technology



Muzium Peringatan Teknologi dan Industri Toyota

Pintu Utama Muka depan / Mesin tenun bentuk bulatan

Teknologi memintal dan menenun



Pemandangan di dalam ruang pameran



Mesin tenun automatik bentuk G Model 1



Kumpulan operasi mesin tenun bentuk G



Bilik jet udara bergerigi



Bilik Peringatan



Perpustakaan Video

Bangunan Mesin Tekstil

Taman Tekno (Technoland)



Bangunan Toyota Group



Pejabat Syarikat Toyoda



Peta Dalam Bangunan
FLOOR GUIDE



1F

2F

Mesin wap



Kafe muzium



Kedai muzium



Perpustakaan

Mesin tenun automatik Toyoda Bengkel lama pertukangan besi (Bengkel Kreatif)

Bengkel pertukangan besi pada masa penubuhan yang telah dipindah alih



Ruang Pertunjukan Teknologi Pertukangan Besi (Membuat acuan, menempa, memotong)

Pusat Ujian Bahan / Kilang Prototaip



Pusat Ujian Bahan



Kilang Prototaip

Bangunan Automobail

Teknologi Automotif & Pengeluaran



Pemandangan di dalam ruang pameran



Kereta penumpang model AA



Proses pemasangan kereta bentuk AA



Mesin penekan 600 tan buatan Syarikat Danly

- | | | |
|--------------------|---|--------------|
| Tandas | Bilik pertolongan cemas | Kafe |
| Kaunter Pertanyaan | Tandas pelbagai guna | Mesin jualan |
| Lif | Kawasan letak kereta bagi golongan kurang upaya | Telefon Awam |
| Tangga | Mesin menjual tiket | AED |
| Restoran | Bilik Locker | Eskalator |
| Ruang rehat | Kawasan merokok | |